

BH 13/10 Pg 21

Kursus keselamatan mantap keupayaan wanita

Program anjuran NIOSH dedah peserta aspek teori, latihan amali

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Bangi: Pembabitan wanita sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan (SHO) di sektor pembinaan atau bertanggungjawab melakukan kerja penyelenggaraan di kilang serta berada di tempat tinggi, kini semakin diminati golongan itu.

Justeru, buat julung kalinya Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menyediakan Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) untuk wanita.

Jurulatih Residen NIOSH, Mohd Razman Ismail, berkata program mendedahkan peserta mengenai aspek keselamatan dalam bentuk teori dan menyediakan latihan amali di lapangan bersama jurulatih berpengalaman,

selain perlu menduduki peperiksaan bagi menguji pemahaman mereka.

Katanya, wanita mempunyai keupayaan sama dengan lelaki dan mampu melakukan kerja berat termasuk pekerjaan di tempat tinggi.

Walaupun kursus keselamatan bekerja di tempat tinggi satu pilihan dan tidak diwajibkan, majikan digalakkan menghantar pekerja bagi menambah ilmu, tip dan langkah keselamatan untuk dipraktikkan mengikut risiko pekerjaan mereka.

Peserta jadi agen perubahan

Setakat ini, kursus keselamatan di tempat tinggi masih tidak diwajibkan. Bagi kebanyakan syarikat biasanya menyediakan garis panduan umum sahaja.

Dari segi penguatkuasaan (untuk mewajibkan) jalani kursus ini belum ada.

"Jadi, kita harap lebih ramai majikan hantar pekerja mereka mengikuti kursus ini supaya selepas tamat latihan individu ini menjadi agen perubahan.

"Contohnya, mengubah cara kerja yang kurang selamat, jika sebelum ini peralatan untuk memanjat tempat tinggi tak disediakan atau ala kadar, jadi di-

harap ia dapat diperbetulkan.

"Oleh itu, kali pertama kita adakan kursus khas untuk wanita. Sebelum ini ada wanita yang menyertainya, namun sambutan agak sederhana. Mungkin ada yang malu atau tidak selesa latihan dijalankan bersama lelaki," katanya.

Peserta didedahkan dengan beberapa peruntukan undang-undang berkaitan dengan keselamatan pekerjaan, termasuk Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967.

"Mereka berada di kelas untuk sesi teori, selain memfokuskan kepada latihan praktikal supaya dapat mengadaptasikan ilmu dipelajari untuk dipraktik kembalinya ke tempat kerja nanti.

"Peserta perlu menduduki peperiksaan, jika tidak lulus sama ada kertas teori atau latihan praktikal perlu ambil semula untuk mendapatkan sijil," katanya.

NIOSH turut memberikan ruang perundingan kepada peserta berkaitan penambahbaikan dalam aspek keselamatan di tempat kerja mengikut keperluan masing-masing.

"Di sini, kita ajar amalan terbaik misalnya peralatan perlin-

dungan diri (PPE) disarankan untuk tujuan keselamatan, tetapi apabila balik ke tempat kerja tidak semestinya ikut apa yang dicadangkan.

"Contohnya, bagi syarikat kecil, mungkin tidak perlu ada semua peralatan keselamatan, sekurang-kurangnya ada perkakas seperti abah-abah keselamatan untuk melindungi badan daripada terjatuh dari tempat tinggi, topi keselamatan, tali nyawa dan kasut keselamatan," katanya.

Katanya, kemalangan memabitkan tempat tinggi lebih berisiko, contohnya jatuh dari tempat setinggi dua meter boleh menyebabkan cedera parah termasuk patah di bahagian pinggang.

Peserta diberi bimbingan cara memakai PPE dengan betul, kaedah memasang dan menyimpul tali keselamatan untuk memanjat ke struktur tinggi, selain diwajibkan menjalani latihan menyelamat di tempat tinggi.

"Cara menyelamat yang betul sangat penting mengikut masa diperuntukkan, maksimum 10 minit. Mangsa yang tergantung dengan lengkap mengenakan abah-abah akan dicengkap alatan itu.

"Kemungkinan besar darah tersekat dan tidak mengalir se-

“Kali pertama kita adakan kursus khas untuk wanita. Sebelum ini ada wanita menyertainya, namun sambutan agak sederhana. Mungkin ada yang malu atau tidak selesa latihan dijalankan bersama lelaki”



Mohd Razman Ismail,
Jurulatih
Residen NIOSH

hingga ke otak menyebabkan kekurangan oksigen.

Mangsa boleh pengsan dan jika tidak mendapat oksigen cukup dalam jangka masa lama hingga boleh menyebabkan kematian," katanya.

Katanya, kerjaya itu dianggap janggal untuk wanita, walaupun jantina bukan isu penting mengikut semua peraturan keselamatan ditetapkan.

"Tak ada beza SHO lelaki atau wanita. Peraturan keselamatan tetap sama, cuma pendekatan berbeza.

"Wanita memiliki ketangkasan, misalnya dalam latihan menyelamat dilakukan, tempoh masa diambil (untuk kerja menyelamat) lebih kurang sama dengan kumpulan lelaki," katanya.